




PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI SELASA: 11 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA 32)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2008

SOALAN :

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan nama-nama sungai di negeri Sarawak yang didapati sebagai sungai yang tercemar. Sila jelaskan maksud pencemaran itu. Sila jelaskan pendekatan yang terkini dari Kementerian bagi tujuan memulihkan sungai yang diiktirafkan sebagai tercemar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat lapan (8) sungai di Sarawak yang dikategorikan sebagai tercemar, iaitu Sg. Maong (paling tercemar), Sg. Padungan, Sg. Sekama, Sg. Bintangor, Sg. Tabuan, Sg. Miri, Sg. Lutong dan Sg. Oya.

Pihak JAS menggunakan kaedah pengiraan indeks kualiti air berdasarkan enam (6) parameter iaitu, oksigen terlarut (DO), keperluan oksigen biokimia (BOD), keperluan oksigen kimia (COD), ammonia-nitrogen (NH₃-N), jumlah pepejal terampai (TSS) dan pH digunakan untuk menentukan status sungai. Berdasarkan pengiraan indeks kualiti air, pengkategorian kualiti air sungai adalah mengikut tiga kategori iaitu, bersih, sederhana tercemar dan tercemar. Sungai yang mempunyai indeks di antara 81-100 dikategorikan sebagai Bersih, sungai yang mempunyai indeks di antara 60-80, dikategorikan sebagai

Sederhana Tercegar manakala sungai yang mempunyai indeks di antara 0-59 dikategorikan sebagai Tercegar.

Di antara, langkah-langkah yang diambil untuk menangani pencemaran sungai di Sarawak adalah:

- (i) Mempertingkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan di bawahnya yang menyekat pencemaran dari punca tetap (*point sources*);
- (ii) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain agar dapat mempertingkatkan penguatkuasaan dan tindakan terhadap punca-punca pencemaran di bawah bidang kuasa masing-masing;
- (iii) Melaksanakan program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai untuk mempertingkatkan kualiti air sungai.
- (iv) Menyedarkan orang ramai tentang kepentingan sungai di dalam kehidupan seharian. Pelbagai aktiviti dan kempen bagi meningkatkan kesedaran dan pendidikan alam sekitar serta khidmat nasihat kepada pelajar-pelajar dan orang-orang awam sedang giat dijalankan dalam usaha mengurangkan masalah pencemaran sungai.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2008 (SELASA)

SOALAN : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah dasar Kementerian sama ada membenarkan industri penternakan babi dihidupkan semula di kawasan Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan yang telah diberhentikan selama 10 tahun semenjak wabak JE merebak di kawasan tersebut. Kalau tidak, mengapa.

JAWAPAN : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

Yang Dipertua,

Pada 20 Februari 1991 dan 8 Januari 2003, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya konsep *Pig Farming Area (PFA)* dijadikan asas bagi Kerajaan-kerajaan Negeri menyusun semula ladang-ladang ternakan babi bagi mengatasi isu-isu pencemaran, sosial dan pembangunan.

Disebabkan tidak ada *PFA* yang beroperasi mulai 1 Januari 2007, Jemaah Menteri pada 25 Julai 2007 telah memutuskan bahawa:-

- (i) Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak dibenarkan meneruskan pembangunan *PFA* di negeri masing-masing,
- (ii) Bagi negeri-negeri lain yang tidak membangunkan *PFA*, industri babi perlu dimajukan secara *Modern Pig Farming (MPF)*.
- (iii) Dalam *MPF*, semua ladang babi perlu mengamalkan penternakan sistem kandang tertutup bersamaan sistem pengolahan sisa *zero-discharge (Closed house zero-discharge system - CHZD)*.

Projek *PFA* di kawasan Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan masih tidak dapat dilaksanakan sehingga kini disebabkan beberapa isu teknikal yang belum diselesaikan. Isu-isu teknikal tersebut ialah pengurusan *PFA* seperti rumah kediaman pekerja, sistem pengolahan sisa untuk abatoir, pagar sekeliling kawasan projek sepanjang 7.7 KM dengan ketinggian 7 kaki, kandang babi tertutup dan jalan masuk baru serta kemudahan biosekuriti lain.

Status terkini projek ternakan babi terancang di kawasan Bukit Pelanduk, infrastruktur asas *PFA* telah siap merangkumi pembangunan lot-lot penternakan, jalan berturap, longkang konkrit, retikulasi air, retikulasi pembentungan dan sistem pengolahan sisa berpusat. Rumah sembelih telah siap dibina dan dijangka mula beroperasi bulan Oktober 2008.

No: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit]

TARIKH : 11 November 2008 (Selasa)

SOALAN : 13

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menepis dakwaan juruterbang Boeing 747 QANTAS yang membuat pendaratan cemas di Manila baru-baru ini adalah gara-gara penyelenggaraan tidak cekap MAS yang mendapat kontrak penyelenggaraan bermula Disember 2007.

Jawapan :

Tuan Yang Oi Pertua,

MAS menegaskan bahawa MAS tidak pernah mengendalikan sebarang kerja *maintenance* pesawat B747-400 milik Qantas dan perkara ini telah disahkan oleh Qantas melalui laporan media.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

TARIKH : 11.11.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid di sekolah rendah di Sarawak dan angka pecahan murid bagi Bumiputera dan bukan Bumiputera yang belajar di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam tahun 2001 hingga 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah murid sekolah kebangsaan dan SJKC berdasarkan pecahan mengikut bumiputera dan bukan bumiputera di negeri Sarawak dari tahun 2001 hingga 2008 adalah seperti berikut;

Jenis sekolah	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
Sekolah Kebangsaan	1,600,184	60,200	1,660,384
SJKC	126,028	467,201	593,229

Sumber: JPN Sarawak

SOALAN NO: 15

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd Muttalib
[Maran]

TARIKH : 11 November 2008

SOALAN : Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd Muttalib
[Maran] minta **MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Jumlah pengimport dan pengeksport bahan-bahan pertanian di negara ini dan berapakah kadar pengurangan pengimportan kesan daripada penekanan serius Kerajaan dalam memajukan industri pertanian negara.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh 2001 hingga 2007, trenimbangan perdagangan (BOT) untuk bahan makanan negara telah mencatatkanimbangan defisit iaitu bernilai RM5.72 bilion pada tahun 2001 kepada RM9.6 bilion pada tahun 2007.

Imbangan defisit yang dialami bagi tempoh tersebut di sumbangkan oleh peningkatan nilai import untuk bahan makanan daripada RM12.2 bilion pada tahun 2001 kepada RM23.4 bilion pada tahun 2007 iaitu peningkatan secara positif.

Walaupun, nilai eksport telah meningkat daripada RM6.5 bilion kepada RM13.8 bilion untuk tempoh yang sama iaitu purata pertumbuhan tahunan sebanyak 12.4%. Seterusnya, pertumbuhan pengeksportan bahan makanan negara bagi tempoh 2006/2007 telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding pertumbuhan import. Pengeksportan bahan makanan bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 20.79% berbanding pengimportan bagi tempoh yang sama sebanyak 17.16%.

Peningkatan nilai import disebabkan oleh pertambahan bilangan penduduk termasuk pekerja asing, pertukaran nilai wang asing serta kenaikan harga input pertanian yang diimport khususnya baja dan benih.

Kerajaan kini telah dan sedang berusaha untuk mengurangkan import dan meningkatkan eksport melalui pelaksanaan beberapa projek-projek yang dapat meningkatkan jumlah pengeluaran bahan-bahan makanan antara 2% hingga 23% sehingga tahun 2010. Projek-projek ini merupakan projek berimpak besar iaitu mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Ladang Kontrak, *National Fidlol Centre (NFC)*, Pembangunan 10,000 Usahawan Industri Asas Tani dan mewujudkan Zon Industri Akuakultur (ZIA). Melalui projek-projek tersebut, adalah diharapkan peningkatan pengeluaran mampu untuk memenuhi permintaan domestik dan seterusnya meningkatkan keupayaan eksport negara.

SOALAN NO. (16)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
(BALIK PULAU)**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK PULAU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah pembinaan rumah-rumah kos rendah, khususnya di Balik Pulau dan langkah-langkah Kerajaan membantu rakyat kurang berkemampuan untuk memiliki sebuah rumah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan mempunyai agenda khusus dan program khas dalam usaha menyediakan kemudahan perumahan kepada kumpulan rakyat berpendapatan rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenalpasti satu projek di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk dilaksanakan di Teluk Kumbar, Balik Pulau dalam tempoh RMK 9. Pada masa kini, pihak KPKT sedang memuktamadkan beberapa perkara berkaitan seperti tapak projek, skop projek, peruntukan dan sebagainya sebelum keputusan muktamad dibuat.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri. Langkah - langkah tersebut adalah seperti berikut :-

- i) membenarkan rumah-rumah dibawah Program Perumahan Rakyat Disewa dijual kepada penyewa asal pada harga RM 35,000 seunit ;

- ii) mewujudkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd dibawah Kementerian Kewangan bagi menjamin pinjaman pemohon dari golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai penyata pendapatan dari bank utama di seluruh negara. Di bawah program ini golongan yang tiada pekerjaan tetap boleh memohon pinjaman sehingga RM 100 ribu ;

- iii) Skim Pinjaman Perumahan di bawah KPKT menyediakan skim pinjaman bagi golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah di atas tanah sendiri. Had maksimum program pembinaan ialah RM 20,000 ; dan

- iv) Skim Bantuan Bayaran Sewa Rumah sebanyak RM124 sebulan untuk golongan miskin tegar di bandar.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' ISMAIL BIN KASIM
TARIKH : 11 NOVEMBER 2008 (SELASA)
NO. SOALAN : 17

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan agar Kolej Komuniti dapat di naik tarafkan sama seperti IPTA yang lain di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kementerian tidak berhasrat untuk menaik taraf kolej komuniti setaraf dengan IPTA berdasarkan peranan dan objektif penubuhannya iaitu untuk memberi laluan alternatif kepada pelajar yang gagal melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi. Pelajar hanya perlu memiliki keputusan sekurang-kurangnya lulus Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia bagi melayakkan mereka mengikuti program sijil di kolej komuniti. Seterusnya, pelajar lulusan sijil tersebut boleh menyambung pengajian peringkat Diploma di kolej komuniti. Di samping itu, kolej komuniti juga menjalankan kursus-kursus pendek sebagai sebahagian daripada program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi masyarakat setempat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
(PASIR PUTEH)
TARIKH : 11 NOVEMBER 2008
SOALAN : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
(PASIR PUTEH)

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pegawai dan kakitangan kontrak (lantikan politik) yang dibiayai melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) negeri Kelantan.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan Pegawai Kontrak yang dibiayai melalui JPP Kelantan adalah berjumlah 3,387 orang. Terdapat 7 (tujuh) jawatan yang berperanan di peringkat mukim seperti di **Lampiran**.

Pelantikan ini dibuat di atas keperluan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Persekutuan diterima di peringkat akar umbi.

**RINGKASAN PEGAWAI KONTRAK (LANTIKAN POLITIK) YANG
DIBIYAI MELALUI JPP KELANTAN
SEHINGGA 24 SEPTEMBER 2008**

BIL.	NAMA JAWATAN	JUMLAH
1	Ketua Penyelia Pembangunan Mukim (KPPM)	35
2	Penyelia Pembangunan Mukim	516
3	PENGELOLA	1
4	PENYELIA	14
5	PELAWAT	44
6	PENGGERAK MASYARAKAT	293
7	PEMBANTU PENGGERAK MASYARAKAT	2,484
JUMLAH KESELURUHAN		3,387

NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal
[LABUAN]**

TARIKH : 11 November 2008 (Selasa)

SOALAN : 19

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah cadangan Kementerian untuk menambah penerbangan AirAsia antara Labuan dan Kota Kinabalu untuk meringankan beban rakyat Labuan disebabkan oleh tambang penerbangan MAS yang terlalu mahal.

Jawapan :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, AirAsia telah memperkenalkan penerbangan 7 kali seminggu bagi laluan Kota Kinabalu - Labuan mulai 26 September 2008.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 20
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)
TARIKH : 11.11.2008

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah insiden "perebutan mayat " di antara Jabatan Agama Islam dan ahli keluarga si mati ekoran daripada agama si mati dan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Syariah masih tidak dapat ditangani. Nyatakan rancangan penyelesaian kepada insiden sedemikian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Mengikut Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam, seorang mualaf yang memeluk Islam dari saat kemasukannya dalam agama Islam hendaklah diiktiraf sebagai seorang Islam dalam semua perkara termasuk hal yang berkaitan dengan pengurusan jenazah dan pengebumiannya. Ini berdasarkan peruntukan seksyen 91 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

2. Mengikut peruntukan undang-undang, tidak timbul isu perebutan mayat seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Ini kerana persoalan bagi menentukan status agama si mati berada di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang seragam yang digunapakai di negeri-negeri sebagai contoh subseksyen 61 (3) (b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang memperuntukkan seperti berikut :

“61(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

....(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –

(x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;

(xi) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya;..”

3. Memandangkan bidang kuasa untuk menentukan status agama si mati terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, maka pihak-pihak yang terbabit di dalam kes perebutan mayat perlu patuh dengan keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah. Sebagai contoh kes Mohamad Abdullah Moorthy yang memeluk Islam dan meninggal dunia pada 20 Disember 2005 di Wilayah Persekutuan. Dalam kes tersebut Mahkamah Tinggi Syariah telah memutuskan si mati adalah seorang Islam semasa kematiannya dan permohonan isteri si mati di Mahkamah Tinggi Sivil yang mempertikaikan keputusan Mahkamah Syariah telah ditolak atas alasan Mahkamah Syariah adalah mahkamah yang

mempunyai bidang kuasa dan kompetensi untuk menentukan keesahan pengislaman si mati.

4. Keputusan Mahkamah Tinggi Syariah perlulah dihormati oleh semua pihak dan tidak patut dipertikaikan. Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan keputusan Mahkamah Syariah tidak boleh dipertikaikan oleh Mahkamah Sivil kerana bidang kuasa berkaitan dengan isu menentukan agama si mati adalah jelas di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah
5. Kesimpulannya isu perebutan mayat sepatutnya tidak berbangkit dan dapat dielakkan sekiranya pihak-pihak yang terbabit patuh dan akur kepada keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah.

NO: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **Bagi Jawab Lisan**

DARIPADA : **Puan Norah binti Abd Rahman**

TARIKH : **11 November 2008 (Selasa)**

SOALAN : **21**

Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- (a) berapakah pengguna Selat Melaka pada tahun lepas;
dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan
atau mempertingkatkan cukai alam sekitar bagi para
pengguna Selat Melaka.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sebanyak 70,718 kapal telah dilaporkan menggunakan Selat Melaka bagi tempoh Januari sehingga Disember 2007, iaitu peningkatan sebanyak 7 peratus dari tempoh yang sama pada tahun 2006.

Mengenai isu berhubung cukai alam sekitar bagi para pengguna Selat Melaka, dimaklumkan bahawa pada ketika ini Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan cukai berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TENGGU RAZALEIGH HAMZAH
KAWASAN : GUA MUSANG
TARIKH : 11.11.2008 (SELASA)

**Y.B. TENGGU RAZALEIGH HAMZAH minta MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sekarang nampak
pertumbuhan sektor perkilangan, terutama bidang pembuatan
teknologi-tinggi bukan sahaja tumbuh dengan perlahan tetapi mulai
menurun ke peringkat mengeluarkan nilai-ditambah yang rendah.
Apakah strategi jangka panjang dan pendek untuk mengubah
penurunan ini atau mengganti dengan industri alternatif berpotensi.**

Tuan Yang Di Pertua,

**Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia
Kesembilan (RMK9), 2006-2010, dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga
(IMP3), 2006-2020, sektor perkilangan digalakkan beralih kepada
aktiviti berteknologi tinggi, berintensif modal dan pengetahuan serta
bernilai ditambah yang tinggi bagi memperkukuh daya saing jangka**

panjang perindustrian negara. Trend peralihan ini didapati semakin meningkat dan bukannya menurun.

Hasil daripada pelaksanaan strategi dan dasar RMK9 dan IMP3, sektor perkilangan terus menjadi sektor utama dalam ekonomi. Pada tahun 2007, sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.1 peratus. Nilai ditambah sektor perkilangan berkembang sebanyak 6.7 peratus bagi separuh pertama tahun 2008, berbanding dengan 5.6 peratus bagi tempoh yang sama dalam tahun 2007.

Malaysia juga berupaya menarik tahap pelaburan yang paling tinggi dalam sektor perkilangan pada 2007. Pelaburan yang diluluskan terus meningkat kepada RM59.9 bilion pada 2007, lebih dua kali ganda sasaran tahunan RM27.5 bilion di bawah IMP3, berbanding dengan RM46 bilion pada 2006. Bagi tempoh Januari hingga September 2008, sejumlah 643 projek perkilangan telah diluluskan, dengan nilai pelaburan sebanyak RM53.9 bilion. Ini menunjukkan minat yang semakin meningkat dalam projek perkilangan, termasuk projek berintensifkan teknologi dan modal serta bernilai ditambah tinggi, terutamanya di industri-industri logam asas dan elektrik dan elektronik. Di antara projek pelaburan utama bernilai melebihi RM1 bilion termasuk:

- *aluminium* (RM12.5 billion);
- *coke dan sulphur* (RM9.9 billion);
- *besi* (RM4.5 billion);
- *silicon photovoltaic ingots/wafers* (RM2.6 billion);
- *wafer fabrication* untuk LED (RM1.9 billion);
- *solar cells dan modules* (RM1.9 billion); dan
- *advanced memory integrated circuits* (RM1.4 billion).

Dari segi intensiti modal dalam projek pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan, nisbah modal setiap pekerja (CIPE) secara amnya telah merekodkan satu trend yang meningkat sejak tahun 2001. Pada tahun tersebut, CIPE adalah sebanyak RM241,024. Nisbah ini terus meningkat kepada RM517,054 pada 2006, RM613,600 pada 2007 dan RM740,309 pada tahun 2008 (Januari-September). Peningkatan dalam nisbah CIPE mencerminkan trend ke arah projek yang lebih berintensifkan modal, berteknologi tinggi dan bernilai ditambah tinggi. Antara industri yang mencatatkan nisbah CIPE yang tinggi adalah produk petroleum, produk logam asas, produk kimia dan produk galian bukan logam.

Di samping itu, corak guna tenaga dalam projek yang diluluskan bagi sektor perkilangan mencerminkan peralihan kepada peratusan guna tenaga pengurusan, teknikal dan penyeliaan, dan tenaga mahir yang lebih tinggi, iaitu meningkat daripada 66 peratus pada 2006 kepada 73.7 peratus pada 2007 dan 75.8 peratus bagi tempoh Januari hingga September 2008. Peningkatan ini menunjukkan perubahan keperluan tenaga kerja industri yang selaras dengan tumpuan industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan, terutamanya di industri-industri elektrik dan elektronik, logam asas, kelengkapan pengangkutan dan pengilangan jentera.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi dalam sektor perkilangan, terutamanya projek berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan bernilai ditambah tinggi, yang melibatkan R&D dan mempunyai rangkaian yang kukuh. Antara strategi jangka pendek dan panjang yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan termasuk:

Strategi Jangka Pendek:

- Memberi tumpuan utama kepada industri berteknologi tinggi, berintensif modal dan pengetahuan serta bernilai ditambah yang

tinggi dalam menarik masuk pelaburan asing ke Malaysia. Industri-industri yang telah dikenalpasti termasuk industri *solar cells*, peralatan perubatan, farmaseutikal, produk elektronik bernilai tinggi, jentera dan kelengkapan, dan ICT. Syarikat-syarikat terpilih akan ditawarkan insentif khusus bagi menarik mereka menubuhkan operasi di Malaysia;

- mengenal pasti sasaran pelabur yang berpotensi dan menghantar *special promotion team* untuk berbincang dan menawarkan galakan istimewa;
- menubuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaburan bagi menilai dan meluluskan permohonan pelaburan yang memberi impak tinggi kepada negara;
- menjalin kerjasama dalam R&D di kalangan institusi penyelidikan Kerajaan, institusi pengajian tinggi, taman teknologi dan industri bagi membangunkan teknologi dan produk bernilai ditambah yang lebih tinggi;

Strategi Jangka Panjang:

- **membangunkan taman teknologi tinggi khusus, yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur fizikal, tenaga kerja dan industri sokongan bagi menyediakan persekitaran yang sesuai dan kondusif kepada para pelabur;**
- **menggalak pembangunan kelompok industri. Contohnya, kompleks-kompleks perindustrian petrokimia sedia ada di Kertih, Gebeng dan Pasir Gudang-Tanjung Langsat akan diintegrasikan dengan lebih mantap. Pembangunan kelompok berkenaan mewujudkan kesan sampingan perindustrian plastik yang ditempatkan di dalam kawasan kompleks petrokimia bagi memenuhi keperluan aktiviti hiliran; dan**
- **meningkatkan penawaran bilangan tenaga kerja berkemahiran teknikal, berintensif pengetahuan dan terlatih dalam bidang ICT bagi memenuhi keperluan industri.**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)
TARIKH : 11.11.2008

SOALAN:

Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah projek pembinaan SMK Serian II akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek SMK Serian No.2 yang melibatkan projek 36 bilik darjah dan lain-lain kemudahan termasuk kemudahan asrama dan rumah guru adalah di peringkat penyediaan dokumen tender. Bagi tujuan tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melantik perunding melalui surat bertarikh **19 Jun 2008**.

SOALAN NO. (24)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah projek perumahan dan bangunan kompleks tertunggak di seluruh negeri Johor. Apakah langkah yang diambil untuk menolong pembeli rumah. Apakah jenis tindakan yang telah diambil terhadap para pemaju yang gagal melaksanakan projek-projek mereka.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemajuan perumahan melibatkan dua kategori utama iaitu perumahan kediaman dan bangunan-bangunan komersial. Bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] pada masa ini, hanya meliputi projek-projek perumahan kediaman sahaja dan tidak merangkumi projek-projek komersial seperti rumah kedai, bangunan pejabat, kompleks membeli belah atau pusat komersial. Oleh yang demikian, KPKT tidak mempunyai maklumat berhubung projek komersial yang terbengkalai di negeri Johor.

Bagi tempoh 1990 sehingga Jun 2008 terdapat sejumlah 37 projek perumahan terbengkalai di negeri Johor. Daripada jumlah tersebut 5 projek telah disiapkan dengan Sijil Layak

Menduduki, 9 projek sedang dalam pembinaan manakala 23 masih terbengkalai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT membantu pembeli-pembeli rumah yang terbabit dalam projek-projek terbengkalai dengan mengeluarkan satu surat pengesahan projek perumahan terbengkalai bagi membantu pembeli untuk berurusan dengan pihak pembiaya bagi tujuan-tujuan berikut :-

- a) Penstrukturan semula bayaran balik pinjaman perumahan;
- b) Pembekuan atau penangguhan bayaran faedah kena dibayar bagi tempoh masa projek masih terbengkalai dan belum dipulihkan bagi pembeli yang mengambil pinjaman perumahan Kerajaan ;
dan

- c) Permohonan pengeluaran kali kedua wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk membeli rumah lain.

KPKT juga telah menyenaraihitamkan syarikat pemaju perumahan dan ahli-ahli pengarah syarikat yang terbabit dalam projek perumahan terbengkalai daripada memohon lesen pemajuan perumahan serta permit iklan dan jualan yang baru.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK HAJI TAJUDDIN
BIN ABDUL RAHMAN (PASIR SALAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.11.2008

Datuk Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman (Pasir Salak) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan-tindakan Kerajaan bagi membendung inflasi dan mengelak daripada masalah 'recession', 'depression' dan 'stagflation' menimpa ekonomi negara akibat daripada krisis ekonomi dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan pada 4 November 2008 semasa sesi penggulungan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2009 telah mengumumkan beberapa langkah tambahan untuk membendung inflasi antaranya seperti berikut:

- i. menggalakkan pengeluaran bio diesel melalui penggunaannya oleh kenderaan Kerajaan mulai Februari 2009 diikuti oleh sektor industri dan pengangkutan bagi mengurangkan kebergantungan kepada petrol sebagai sumber tenaga;

- ii. mengurangkan kos input pertanian melalui pemansuhan duti import ke atas tujuh jenis baja bertujuan mengurangkan kos pengeluaran seterusnya harga bahan makanan atau hasil pertanian; dan
- iii. meningkatkan pendapatan boleh guna pekerja melalui tawaran pengurangan potongan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak 3% bertujuan menggalakkan perbelanjaan seterusnya menambah permintaan dalam negeri.

2. Di samping itu dalam usaha mengekalkan perkembangan ekonomi negara, Kerajaan juga telah mengumumkan pelaksanaan projek-projek yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi melalui penjimatan RM7 bilion daripada subsidi minyak antaranya seperti berikut:

- i. RM1.2 bilion untuk pembinaan rumah kos rendah dan RM200 juta untuk pemuliharaan projek perumahan terbengkalai;
- ii. RM600 juta untuk pembinaan dan penyenggaraan jalan kampung, balai raya dan jambatan kecil di bawah Program Penyelenggaraan Awam dan Projek Infrastruktur Asas;
- iii. RM500 juta untuk kerja-kerja menaik taraf jalan luar bandar, jalan kampung dan jalan pertanian; dan

iv. RM500 juta untuk penyenggaraan dan kerja-kerja pemantapan sistem pengangkutan awam di bandar-bandar utama.

3. Adalah menjadi hasrat Kerajaan, dengan langkah-langkah tambahan yang akan dilaksanakan, ekonomi negara dapat menangani kesan krisis ekonomi dunia dan terus berkembang sekurang-kurangnya pada kadar 5% bagi tahun 2008 dan 3.5% pada tahun 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 26
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
(MARANG)
TARIKH : 11.11.2008

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pandangan pihak **JAKIM** dalam isu penahanan tanpa bicara dari perspektif Islam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Penahanan tanpa bicara dari perspektif Islam adalah berdasarkan Siasah Syar'iyah yang bertujuan untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan umat Islam. Walaubagaimanapun, penahanan tanpa bicara ini adalah bagi golongan yang boleh mengancam dan melakukan keganasan terhadap orang lain yang boleh memberikan kemudaratan kepada keamanan dan kestabilan negara.

Tanggungjawab pemerintah begitu besar dan luas. Ia meliputi kewajipan memelihara agama, mentadbir negara dan rakyat, menjaga keamanan dan keselamatan negara, nyawa, harta benda, kehormatan dan sebagainya. Memandangkan tanggungjawab yang besar dan berat ini, sudah tentu pemerintah perlu menggunakan prinsip tertentu bagi membolehkan mereka melaksanakan fungsi tersebut dengan berkesan dalam suasana dan keadaan yang berubah-ubah mengikut perubahan tempat, masa, tabiat manusia, perkembangan tamadun dan sebagainya. Prinsip inilah yang dikenali sebagai siasah syar'iyah.

SOALAN NO: 27

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI
ANWAR [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : SELASA, 11 NOVEMBER 2008

SOALAN :

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :**

- (a) di kawasan manakah sepuluh projek swasta yang dilaporkan masih terbengkalai di Kuala Lumpur mengikut pecahan parlimen; dan
- (b) apakah tindakan susulan hasil perbincangan dua jawatankuasa pemandu dan kerja bagi menangani masalah projek terbengkalai yang diwujudkan oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, pecahan 9 projek terbengkalai mengikut kawasan Parlimen adalah seperti berikut:

PARLIMEN	BILANGAN
Batu	1
Seputeh	1
Bukit Bintang	4
Cheras	1
Segambut	1
Titivangsa	1
Jumlah	9

Antara sebab projek-projek ini terbengkalai ialah pemaju mempunyai masalah kewangan, pemaju mempunyai masalah dengan rakan usahasama atau pemaju mencari rakan usahasama yang baru, masalah lokasi tidak sesuai, pinjaman bank masih tertangguh, projek masih dalam kes mahkamah oleh kontraktor terdahulu dan lain-lain.

Daripada 10 projek yang masih terbengkalai itu, sebanyak 9 projek adalah merupakan projek-projek pihak swasta. Hanya 1 projek sahaja yang melibatkan agensi Kerajaan iaitu Projek Plaza Rakyat yang dijalankan secara usahasama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan

Plaza Rakyat Sdn Bhd (PRSB). Perundingan ke arah pemulihan Projek Plaza Rakyat ini sedang giat dijalankan.

Bagi menjawab pertanyaan kedua Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menubuhkan dua buah jawatankuasa bagi menangani masalah serta isu yang berkaitan dengan projek terbengkalai. Jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Pemandu Menangani Masalah Projek Terbengkalai di Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh Y.B Menteri Wilayah Persekutuan dan Jawatankuasa Kerja Menangani Masalah Projek Terbengkalai di Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan. Jawatankuasa tersebut **bertanggungjawab dalam mengenal pasti dan mencari kaedah penyelesaian terhadap isu-isu dan permasalahan projek terbengkalai di Wilayah Persekutuan.** Buat masa sekarang, beberapa isu dan penyelesaian telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Kerja terutamanya mengenai **pelan tindakan penyelesaian yang perlu diambil bagi menyelesaikan kes projek Plaza Rakyat yang telah lama tertangguh.** Melalui beberapa siri rundingan dan mesyuarat, beberapa isu besar mengenai projek ini hampir dapat diselesaikan dan adalah diharapkan agar projek ini dapat dipulihkan semula setelah hampir 12 tahun terbengkalai.

Selain itu, antara tindakan lain yang diambil ialah dengan mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi atau badan kewangan yang berkaitan bagi membantu menyelesaikan masalah yang timbul berdasarkan '*case by case*', mengenal pasti perancangan pembangunan dari peringkat awal bagi disesuaikan dengan kegunaan tanah serta penamatan pemaju lama mengikut peruntukan undang-undang dan melantik pemaju baru yang lebih kompeten untuk melaksanakan projek (bagi projek Kerajaan).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD.**
YUSOFF (RANTAU PANJANG)
TARIKH : **11 NOVEMBER 2008 (SELASA)**
SOALAN :

Y.B. Puan Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah "kahwin lewat" dan masalah kadar perceraian yang tinggi dalam masyarakat di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Banci Penduduk dan Perumahan tahun 2000 menunjukkan bahawa 87.9 peratus penduduk Malaysia berumur 35-39 telah berkahwin dan ini menunjukkan bahawa institusi perkahwinan masih unggul di negara ini. Sehubungan itu, Kementerian berpandangan bahawa perkahwinan dilewatkan atau sebaliknya adalah merupakan pilihan individu dan Kementerian belum bercadang melaksanakan sebarang program khusus bagi menangani masalah kahwin lewat.

Tuan Yang di-Pertua,

Peratusan perceraian di Malaysia juga adalah kecil. Berdasarkan Banci Penduduk yang sama, peratusan penduduk yang bercerai/berpisah tetap adalah 0.8 peratus berbanding dengan 59.9 peratus yang masih berkahwin, 34.7 peratus yang belum pernah berkahwin dan 4.6 peratus balu/duda.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keempat yang dilaksanakan oleh LPPKN pada tahun 2004 juga menunjukkan peratus bercerai/berpisah kecil iaitu hanya 1.4 peratus.

Penemuan kajian ini juga mendapati antara punca utama yang menyebabkan perceraian adalah faktor tiada persefahaman (42.3%), suami tidak bertanggungjawab terhadap keluarga (11.5%) dan campur tangan ipar duai (8.8%).

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mengambil pendekatan pencegahan dan pembangunan (*prevention and development*) melalui program latihan dan pendidikan khususnya melalui Program Praperkahwinan SMARTSTART kepada pasangan baru dan akan berkahwin. Selain itu Kementerian turut melaksanakan program Keluarga@Kerja dan Kursus Pemantapan Perkahwinan dan ceramah yang dilaksanakan di seluruh negara sama ada oleh LPPKN mahupun secara perkongsian pintar dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Semua program yang dilaksanakan ini

mengandungi unit berkaitan pengurusan konflik, pengurusan kewangan dan menyemarakkan keintiman pasangan.

Pada tahun 2007 sebanyak 83 program berkaitan rumah tangga dan perkahwinan telah dilaksanakan oleh LPPKN dan NGO yang telah dihadiri oleh 5,367 orang peserta diseluruh negara. Sementara itu sebanyak 1,698 peserta telah menghadiri Kursus Praperkahwinan SMARTSTART melalui 50 program yang telah dilaksanakan bagi tempoh yang sama.

Kementerian berharap melalui pendekatan ini, pembangunan institusi perkahwinan dan kekeluargaan akan diperkukuhkan di peringkat awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi 3 agensi utama di bawahnya iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat memiliki 109 orang kaunselor yang telah ditempatkan di setiap negeri dan kesemua institusi - institusinya bagi membantu individu yang memerlukan perkhidmatan ini. Jumlah ini akan ditambah bagi memenuhi keperluan meningkatkan khidmat kaunseling di seluruh negara. Oleh demikian, pasangan yang menghadapi krisis rumah tangga juga adalah diminta mendapatkan sesi kaunseling yang disediakan oleh Kementerian ini atau mana-mana agensi profesional berkaitan melalui aktiviti promosi kaunseling yang diadakan.

SOALAN NO. (29)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
(LEDANG)**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan meluluskan pelan piawai minimum untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah / sederhana supaya pemaju TIDAK membina dan menjual rumah seperti kandang kambing iaitu tanpa sekatan dinding antara ruang tamu dan dapur.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telahpun menyediakan standard perumahan kebangsaan bagi perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah. Standard tersebut yang dikenali sebagai CIS 1 : 1998 bagi perumahan kos rendah merangkumi rumah-rumah teres, berkembar berkelompok dan sesebuah rumah yang tidak melebihi 2 tingkat dan CIS 2: 1998 standard perumahan kebangsaan bagi perumahan kos rendah rumah pangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, standard ini adalah untuk digunapakai bagi perancangan semua projek pembangunan perumahan rumah kos rendah yang merangkumi projek- projek sektor awam dan sektor swasta di Malaysia. Standard ini mengambil kira empat parameter sebagai skop dan asas penentuan standard iaitu :-

- i) keselamatan ;
- ii) kemudahan infrastruktur yang lengkap ;
- iii) kesihatan mental dan fizikal ; dan
- iv) kesihatan masyarakat

Standard ini disediakan bagi mencapai berbagai objektif antaranya bagi mempertingkatkan kualiti rumah dan kemudahan fizikal serta kualiti persekitaran perumahan kos rendah.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 11 November 2008

SOALAN :

Y.B. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan reaksi Kerajaan ke atas permintaan Persatuan Pelaburan Saham Malaysia supaya sebahagian saham Petronas diapungkan dalam Bursa Saham bagi pemilikan awam dan kedudukan keuntungan pelaburan Petronas dalam dan luar negeri serta perancangan untuk menjadi gergasi minyak terbesar rantau ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) merupakan penyumbang terbesar kepada hasil Kerajaan. Pada tahun 2008, PETRONAS menyumbang kira-kira RM62.8 bilion atau 44% daripada keseluruhan hasil Kerajaan. Memandangkan pentingnya sumbangan PETRONAS kepada negara, Kerajaan akan memastikan agar PETRONAS terus dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan dan tidak diapungkan di Bursa bagi pemilikan awam atau oleh syarikat-syarikat asing.

Sungguhpun PETRONAS tidak diapungkan di pasaran saham, beberapa anak syarikatnya telah disenaraikan di Bursa Saham Malaysia yang mana telah membantu mengembangkan pasaran saham negara. Setakat ini, empat anak syarikat PETRONAS iaitu PETRONAS

Dagangan Berhad, PETRONAS Gas Berhad, MISC Berhad dan KLCC Property Holdings Berhad telah disenaraikan di Bursa Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2008
SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:
program-program pelancongan yang telah diatitkan untuk merayakan Bandar Raya Bersejarah Melaka kerana telah berjaya disenaraikan sebagai salah satu "Warisan Dunia" oleh UNESCO.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Negeri Melaka telah mendapat pengiktirafan sebagai *Melaka and George Town, Historic Cities of the Straits of Malacca* oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pada 7 Julai 2008 di Quebec City, Canada.

Sehubungan itu, bagi meraikan kejayaan pengiktirafan ini, Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah mengadakan acara sambutan selama sebulan bermula dari 1 hingga 31 Ogos 2008 di seluruh negeri Melaka.

Majlis Perasmian Program Sambutan Pengisytiharan Melaka sebagai Bandar Raya Warisan Dunia UNESCO telah diadakan pada malam 1 Ogos 2008 di Kompleks Bersejarah *Stadhuys*. Tetamu Kehormat untuk Majlis Perasmian tersebut adalah Tuan

Yang DiPerntua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob. Turut hadir bersama adalah Y.A.B. Ketua Menteri Melaka, Diplomat-diplomat Asing, Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan, Pemimpin-pemimpin Masyarakat, serta pelancong tempatan dan antarabangsa.

Acara sambutan ini telah diadakan dengan penuh meriah dan warna-warni. Pelbagai pengisian telah diaturkan sempena Majlis Perasmian tersebut iaitu perarakan yang berkonsepkan segmen 1 – Etnik di Melaka (11 Kumpulan), segmen 2 – Warisan Hidup di Core Zone dan Buffer Zone (16 Kumpulan), segmen 3 – Tradisi Melaka (6 Kumpulan) dan pertunjukan bunga api.

Selain daripada acara perasmian pada 1 Ogos 2008, Kerajaan Negeri Melaka turut telah mengadakan 14 program dan acara lain sempena sambutan pengisytiharan Melaka sebagai Bandar Raya Warisan Dunia UNESCO. Antaranya adalah Pameran Melaka Warisan Dunia, Karnival Warisan Melaka, *Malacca Heritage Treasure Hunt*, Perkahwinan Pelbagai Etnik dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, program dan acara yang dijalankan sempena sambutan pengiktirafan Melaka sebagai Bandar Raya Warisan Dunia UNESCO adalah bertujuan untuk menarik lebih ramai lagi pelancong terutamanya pelancong-pelancong asing untuk datang ke Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1317

Soalan :

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) apakah langkah yang diambil untuk membantu keluarga tahanan ISA dalam menjalani kehidupan termasuk perumahan, kehidupan dan persekolahan mereka; dan
- (b) mengapa tahanan ISA Sdr Shahrizal Sirin tidak dibenarkan menziarahi anaknya Aina Mardiah yang sedang nazak dan hanya dibenarkan ziarah setelah Aina meninggal dunia pada 03 Julai 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Kulim Bandar Baru yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan ada menyediakan bantuan berbentuk kewangan kepada keluarga orang tahanan yang menghadapi kesulitan. Bagi tujuan perkara ini, terdapat pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat yang ditempatkan di Tempat Tahanan yang akan menguruskan permohonan mendapatkan bantuan yang dikemukakan oleh tahanan untuk keluarga mereka.

Berdasarkan rekod terkini Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, keluarga-keluarga tujuh (7) orang tahanan telah menerima bantuan am dan sara hidup dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di mana keluarga berada. Bagi keluarga orang tahanan yang beragama Islam, bantuan turut diberikan oleh pihak Baitulmal. Jumlah bantuan bulanan yang diterima dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah dan Baitulmal adalah di antara RM 100 sehingga RM 700 mengikut kesesuaian, tanggungan dan latarbelakang orang tahanan tersebut.

Disamping bantuan berbentuk kewangan, bantuan pendidikan anak-anak orang tahanan juga diberikan melalui pejabat-pejabat pelajaran. Manakala itu, bantuan juga diberikan untuk orang tahanan sendiri seperti peralatan kesihatan termasuklah kaca mata dan gigi palsu.

Tuan Yang Di Pertua,

Tuduhan bahawa tahanan ISA Shahrial @ Syahrial bin Sirin tidak dibenarkan untuk menemui anaknya yang sedang sakit adalah tidak benar sama sekali. Tindakan segera telah diambil bagi membolehkan tahanan berkenaan menziarahi anaknya yang sakit dan kelulusan telah diberikan pada 03 Julai 2008. Walau bagaimanapun, anak kepada tahanan telah meninggal dunia semasa tahanan dalam perjalanan ke Hospital Kajang.

Pengurusan pergerakan keluar tahanan melibatkan aspek keselamatan dan prosedur undang-undang yang yang perlu dipatuhi.